

Buletin Jabatan

# Pendaftar

Universiti Teknologi MARA

Januari - Disember 2024



**TAKLIMAT PELAKSANAAN SISTEM SARAAN  
PERKHIDMATAN AWAM (SSPA)**



Latihan Organisasi  
**KESELAMATAN  
KEBAKARAN**  
*(Fire Drill)*

Pejabat Pendaftar  
bersama  
**Jabatan Bomba  
dan Penyelamat**  
Shah Alam





**P**rogram Fire Drill / Latihan kawad kebakaran - 4 hingga 5 Mac 2024 diadakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan langsung kepada staf dalam menghadapi bahaya kebakaran dan sebarang kecemasan yang berlaku di tempat kerja.

Selain itu, program ini dilakukan untuk melatih staf tentang kaedah terbaik untuk menyelamatkan diri Ketika kecemasan / kebakaran berlaku. Program yang diadakan selama dua hari berjalan dengan lancar dan melibatkan semua staf BPD.

Hari pertama bermula dengan taklimat keselamatan dan kebakaran untuk seluruh Staf BPD yang disampaikan oleh Encik Adrino Felix Theoodrus, Pegawai Bomba dari Balai Bomba Shah Alam. Kemudian diteruskan dengan taklimat keselamatan dan Pra Latihan untuk AJK Latihan kebakaran. Hari kedua, Latihan kebakaran diadakan disekitar bangunan JPSM dan kemudian diikuti dengan praktikal pemadam api yang diadakan di parking bertingkat serta postmortem bersama AJK dan Balai Bomba.

Hasil dari sesi post mortem sejurus selepas simulasi dapat dirumuskan, kesemua anggota kerja mempamerkan kerjasama yang mantap di mana mereka berjaya keluar menerusi tangga kecemasan dengan mengambil masa yang pantas dan teratur serta mengikut aspek keselamatan yang telah ditetapkan. #syabas warga BPD



Jabatan Pondaftar  
Aras 3, Canselor Tuanku Syed Sirajuddin,  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor



لسمها، لعمري، مطلا

Januari - Disember 2024